

KERATAN AKHBAR

Kluster Sivagangga: 73 tabika ditutup

Oleh **ZAID MOHD. NOOR**
zaid.noor@mediamulia.com.my

ALOR SETAR: Sebanyak 73 taman bimbingan kanak-kanak (tabika) dan tiga taman asuhan kanak-kanak (taska) Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) dalam Parlimen Kubang Pasu ditutup bermula semalam susulan kluster baharu PUI Sivagangga yang dikesan di negeri ini.

Pengarah Kemas negeri, Noor Azman Abd. Rahman berkata, arahan penutupan itu sebagai langkah pencegahan awal di peringkat jabatan.

"Seramai 1,605 murid tabika dan 62 murid taska Kemas ter-

libat dan penutupan ini dibuat dalam tempoh 14 hari atau sehingga kita menerima arahan serta nasihat selanjutnya dari Pejabat Kesihatan," katanya di sini semalam.

Noor Azman berkata, penutupan sementara itu bagi membolehkan proses pembersihan dan nyah kuman dilakukan dengan segera mengikut kaedah yang ditetapkan oleh pihak berkuasa kesihatan.

Katanya, dari 73 tabika yang ditutup itu, tujuh darinya termasuk Tabika Kemas Kampung Natoi, Pekan Jitra, Kampung Bemban dan Kampung Tebing mempunyai rekod kontak rapat dengan kluster tersebut.

"Kontak rapat melibatkan

waris pelajar yang disaring berhubung kluster berkenaan iaitu dari sebuah kedai makan di Napoh," jelasnya.

Dalam pada itu, Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Mohd Fikri Ujang berkata, Jabatan Kesihatan Negeri kini giat mengesan kontak rapat pemilik dan pekerja di sebuah kedai nasi kandar di Napoh, Jitra dekat sini bagi mengekang penularan pandemik Covid-19 di negeri ini.

"Semua kontak yang berkeungkinan terlibat akan disaring yang mana sampel mereka diambil dan diuji bagi mengetahui sama ada mereka positif pandemik terbabit," katanya.

KETERANGAN AKHBAR